

29/01/2003

Kecil, sederhana perlukan pembelaan

Datuk Salleh Majid

KALI ini saya ingin menceritakan dilema seorang jurutera elektronik yang berjaya mencipta satu sistem perhubungan yang menggunakan kuasa elektrik daripada kabel telekomunikasi.

Alat seperti komputer yang selama ini menggunakan sambungan telefon untuk data dan maklumat, kini boleh menggunakan wayar elektrik. Kelajuan yang berjaya dihasilkan sehingga 2.2 gigabit! Beberapa ujian untuk membuktikan ciptaan gabungan rakyat Amerika dan Malaysia ini, dilakukan di

depan pegawai Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia, Perbadanan Pembangunan Multimedia dan Mimos, hingga suatu persembahan di depan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malangnya seperti usahawan lain, jurutera elektronik ini juga tidak mempunyai wang untuk mengendalikan syarikatnya dan membentuk litar bersepadu (integrated circuit) yang boleh menjamin masa depan ciptaannya.

Dia terpaksa menagih belas kasihan daripada pelabur yang ingin berkongsi sama hasratnya membentuk suatu sistem yang cekap, bermutu dan murah.

Mereka yang berjanji untuk melabur dengannya hanya tinggal janji.

Kalau ada yang nampak berminat yang membawanya hingga bertemu Perdana Menteri pula dikatakan hendak memiliki keseluruhan syarikat dan ciptaannya. Orang itu mengaku di hadapan Dr Mahathir yang sistem itu ciptaannya dan jurutera ini tidak dibenarkan bercakap ketika persembahan dilakukan di depan Perdana Menteri.

Usaha jurutera ini untuk mendapatkan pinjaman daripada bank memang lama

berkubur. Ini kerana tidak ada bank yang percaya ciptaannya dan terang-terang menyatakan ketidakanggapan untuk mengambil risiko yang mungkin timbul sekiranya pembiayaan diberikan.

Bank-bank tidak mahu merelakan diri mereka diberikan penerangan yang jelas oleh pakar dalam bidang elektronik ini supaya faham akan potensi besar ciptaan ini.

Memang banyak usaha pernah dilakukan oleh orang lain untuk menggunakan wayar elektrik sebagai penyambung perhubungan sehingga menyebabkan pelbagai malapetaka. Tetapi bagi jurutera muda dan rakan mereka sedar akan kelemahan ciptaan yang sama, tetapi mengatasinya dengan berlandaskan

pelantar yang lain daripada pencipta lama.

Gangguan yang timbul daripada pelantar ini sama dengan gangguan telefon bimbit!

Masalah yang dihadapi oleh usahawan muda dan rakan-rakannya boleh mematahkan semangat sesiapa juga yang ingin berniaga.

Dalam pertemuan dengannya baru-baru ini, dia berkata semua orang yang ditemuinya tidak berniat baik. Mereka akan melabur sejumlah wang tetapi ingin mengambil alih keseluruhan syarikat dan ciptaannya. Jalan yang dilalui oleh usahawan muda berkaliber ini penuh dengan ranjau.

Bagaimanakah usahawan yang berkelayakan dan berkebolehan seperti jurutera ini akan berjaya dengan masalah yang dihadapinya?

Dia mendengar bantuan kewangan diberikan oleh banyak tempat, peliknya ke mana dia pergi memohon, permohonannya ditolak atau tidak dilayan. Bak kata pepatah Inggeris, air di merata tempat tidak setitik pun untuk diminum (Water, water everywhere not a drop to drink).

Untuk negara kita maju dan terus maju, terutama selepas perdagangan dunia menjadi bebas terbuka luas, kita perlukan cerdik pandai yang boleh mencipta dalam bidang teknologi bermacam benda yang dapat menjamin masa depan.

Seruan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Jamaluddin Jarjis supaya bank-bank menyediakan kemudahan untuk syarikat kecil dan sederhana memang tepat sekali, tetapi yang lebih penting berapa banyak bank yang benar-benar akan melakukannya (membantu syarikat kecil dan sederhana bersungguh-sungguh) daripada melepaskan batuk di tangga saja.

Syarikat model teroka yang dibentuk oleh bank-bank pun bersikap sama dengan bank apabila bertemu projek yang asing dan ganjil kepada mereka. Hanya mungkin syarikat modal teroka yang dalam Kementerian Kewangan, Malaysia Venture Capital Berhad (MAVCAP) lain sedikit amalannya. Mereka mahu mendengar projek yang ganjil dan berteknologi tinggi ciptaan insan berdaya maju ini. Mereka sanggup mengambil risiko demi kepentingan masa depan jurutera berkebolehan dan demi kepentingan negara sendiri.

Tenaga manusia di MAVCAP adalah dari pelbagai bidang dan kepakaran serta layanan mereka jauh lebih baik daripada institusi kewangan yang sepatutnya lebih membantu usahawan muda seperti jurutera yang bukan saja berkebolehan, malah seorang Bumiputera, walaupun itu bukannya ukuran kelayakan sokongan patut diberi.

Negara kita tidak sempat melalui fasa mempelajari teknologi pelbagai perkara seperti Jepun dan Taiwan yang melalui era peniruan teknologi. Semua ditiru mereka supaya mahir dalam bidang teknologi, tetapi kita siang-siang sudah mengaku tidak akan meniru teknologi orang lain dan mereka yang memiliki teknologi tertentu tidak mahu pula berkongsi dengan kita. Jadi terpaksa rakyat kita muncul dengan penemuan sendiri dan kalau usaha ini tidak disokong, nescaya kita akan ketinggalan dalam perlumbaan pembangunan insan pada alaf baru ini.